

26/04/1998

Polis, tentera tangani pembakaran terbuka

KUALA TERENGGANU: Kabinet memberi kuasa kepada beberapa lagi jabatan dan agensi, termasuk polis, tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan serta pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud, berkata keputusan Kabinet itu supaya kuasa bertindak dan menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan 1996) lebih berkesan dan menyeluruh.

Beliau berkata, ini adalah tambahan kepada kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) menangani sebarang bentuk pembakaran terbuka yang boleh menjejaskan mutu alam sekitar serta keselamatan orang ramai, terutama dalam keadaan cuaca panas sekarang.

"Berikutan itu juga, jabatan dan agensi terbabit tidak perlu lagi membuat aduan kepada JAS, kerana mereka sendiri boleh mengambil tindakan dan menyaman pesalah yang melaku kesalahan itu," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Terengganu, di sini semalam.

Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memandang serius kerana kes pembakaran terbuka meningkat menyebabkan kadar Indeks Pencemaran Udara (IPU) tinggi.

"Saya tidak dapat memberi jumlah kes pembakaran terbuka yang berlaku di negara ini, tetapi yang pasti banyak dan semakin berleluasa berdasarkan banyak rayuan diterima bagi mengurangkan denda," katanya.

Mengenai pembakaran yang berlaku berhampiran kawasan perindustrian Gebeng, Pahang, beliau berkata, keadaan pembakaran itu terkawal cuma bimbang kerana ia berlaku berhampiran kawasan perindustrian itu.

Beliau berharap pihak penguatkuasa dan orang ramai memandang serius dan memberi kerjasama membendung perkara itu.

"Bagi mengesan tahap pencemaran udara di negeri ini, satu unit alat pengukur IPU berharga hampir RM1 juta akan dipasang di Kuala Terengganu, Jun ini," katanya.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1996, individu, pemilik tanah atau syarikat yang melakukan pencemaran, termasuk pembakaran terbuka boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

(END)